

CNS3804

U GB 2 7 - 0 6 00169 BH977

aab

Mahathir

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

T

Brasilia, 27 Jun (Bernama) -- Malaysia bercadang menganjurkan pertemuan rasmi antara negara-negara pengeluar kayu balak bagi merangka strategi bersama untuk dikemukakan pada persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai alam seki tar dan pembangunan.

Persidangan itu dijadualkan pada Jun tahun depan di Rio de Janeiro, kira-kira 1,200 km tenggara daripada sini.

Ketika diberitahu demikian hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, strategi seumpama itu penting dalam menghadapi tekanan kuat daripada negara-negara maju yang menentang pembalakan balak tropika.

Beliau memberitahu persidangan akhbar pada hari kedua lawatan rasminya ke Brazil bahawa pada masa ini Malaysia sedang berhubungan dengan beberapa negara pengeluar balak mengenai kemungkinan diadakan pertemuan itu.

+Tentunya kita bercadang untuk mengadakan mesyuarat rasmi dengan negara-negara pengeluar untuk membincangkan perkara ini, + katanya ketika menjawab pertanyaan sama ada Malaysia bercadang untuk mengadakan pertemuan rasmi dengan negara-negara berkenaan untuk membincangkan perkara itu memandangkan ada tempoh setahun lagi sebelum persidangan PBB itu berlangsung, -- Lagi

♥27/06/14-58MST

CNS3820

U GB 27-06 00105 BH978

aab

Mahathir 2 Brasilia

Adalah difahami bahawa beberapa negara maju kini berusaha supaya persidangan itu menerima pakai peraturan mengenai menghadkan aktiviti pembalakan.

Malaysia dan negara-negara pengeluar dikatakan mahukan perisytiharan yang kurang terikat mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia turut merasakan kebimbangan berhubung dengan pembalakan, ia bagaimanapun tidak akan membenarkan tekanan terhadap pembalakan sehingga menjejaskan pembangunan.

+Kami sedar perlunya dikekalkan ekologi yang seimbang dengan keperluan pembangunan negara, + kata Datuk Seri Dr Mahathir.

+Walaupun kita melakukan penebangan hutan, kita sentiasa memastikan pokok-pokok yang ditebang tumbuh semula bagi pengekalan pembangunan berterusan, + katanya. -- Lagi

♥27/06/15-16MST

CNS3839

U GB 27-06 00141 BH979

aab

Mahathir 3 Brasilia

Perdana Menteri, yang sebelum itu menemui Presiden Brazil, Encik Fernando Collor de Mello di Istana Planalto, berkata cadangan pertemuan negara-negara pengeluar adalah antara perkara yang dibangkitkan semasa perbincangan.

Katanya, beliau berpuas hati dengan psndirian presiden Brazil itu dan beliau yakin kedua-dua negara dapat bekerjasama mengenai isu itu.

Mengenai GATT, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia kurang yakin bahawa Pusingan Uruguay itu dapat melahirkan satu peraturan yang memberi faedah kepada negara-negara membangun.

Ketika inipun, -GATT terlalu asyik dengan masalah yang berhubung dengan negara-negara Utara, terutama Amerika Utara dan Eropah, sehingga gagal memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Ragaimanapun, beliau yakin, sekiranya neyaa-negara Selatan mampu bercakap dengan satu nadapada forum antarabangsa seumpama itu, kemungkinan besar masalah neyara-negara membangun akan turut didengari.-- lagi

♥27/06/15-30MST

CNS3849

U GB 27-06 00137 BH980

aab

Mahathir 4 Brasilia

Ketika diminta pandangannya mengenai cadangan oleh bekas Perdana Menteri British Margaret Thatcher supaya diwujudkan Pakatan Atlantik yang menggabungkan Amerika Utara, Eropah dan negara-negara Scandinavia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata' adalah amat menakutkan bagaimana kumpulan seumpama itu dapat bertindak sebagai satu blok perdagangan.

Bagaimanapun, beliau percaya ia hanya merupakan pandangan peribadi Puan Thatcher dan Malaysia perlu mengka j i lebih lanjut mengenainya.

Mengenai isu-i su dua hala, Perdana Menteri berkata presiden dan beliau telah mengena 1 past i beberapa bidang kerjasama yang dapat mempereratkan hubungan an tar-a kedua-dua negara.

Inimeli put i kemungkinan mewujudkan usahasama dalam mencari gal i mi nyak di laut dalam dan pengeluaran alat-alat komponen kereta.

Katanya, walaupun perbadanan minyak nasional, Petronas, terlibat dalam mencari gal i minyak. untuk beberapa ketika , tetapi hanya tertumpu di pe lantar benua.-- lagi

♥27/06/15-46MST

CNS3852

U GB 27-06 00087 BH981

aab

Mahathir 5 Brasilia

Memandangkan syarikat-syarikat Brazil berpengalaman dalam cari gal i mi nyak di laut dalam, syarikat-syarikat itu dialu-alukan di Malaysia untuk menjalankan usaha secara usahamasa .

Perdana Menteri berkata Malaysia juga mengalu-alukan syarikat Brazil unt.uk rnewu judkan usahasama di Malaysia dalam pengeluaran alat komponen kenderaan.

Katanya, seperti Malaysia, Brazil juga mengeluarkan kereta sendiri.

Dengan pengalaman yang lebih luas dan pengeluaran yang lebih tinggi (sejuta unit setahun) , kepakaran yang ada pada Brazi l dapat diperyunakan oleh Malaysia, katanya.-- Bernama

♥27/06/15-56MST